

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 18, 2019 2:17 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Jalani Dua Audit SIRIM QAS Serentak



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 NOVEMBER 2019 / 21 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie



UUM JALANI DUA AUDIT SIRIM QAS SERENTAK UUM ONLINE: Bagi membolehkan Universiti Utara Malaysia (UUM) layak menerima semula Pensijilan MS ISO 9001:2015, pasukan audit SIRIM QAS telah mengadakan lawatan ke universiti ini bagi menjalankan audit pensijilan semula selama tiga hari mulai hari ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, proses audit tersebut adalah bagi memastikan UUM telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti secara berterusan dalam skop pensijilan yang ditetapkan.

Menurutnya, persediaan staf bagi menerima siri-siri lawatan audit sama ada audit pemantauan atau audit pensijilan telah menjadi sebahagian daripada amalan dan budaya kerja di UUM.

"Justeru, saya yakin semua warga UUM mempunyai iltizam untuk terus komited dalam melaksanakan amalan kualiti di UUM, malah universiti juga sentiasa bersikap terbuka terhadap apa jua cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh pihak SIRIM bagi tujuan penambahbaikan sistem pengurusan kualiti kami.

"Selain itu, audit dalaman UUM telah dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam keperluan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan semua penemuan audit telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kualiti Universiti pada Oktober lalu," katanya yang mempengerusikan Mesyuarat Pembukaan Lawatan SIRIM QAS: Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 dan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 (OYAGSB) di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Tambah beliau, diharap semua pegawai UUM terlibat dapat memberikan komitmen penuh dan dapat memberikan kerjasama kepada pasukan juruaudit SIRIM sepanjang tiga hari audit itu berlangsung.

Selain audit pensijilan semula MS ISO 9001:2015, UUM juga akan menjalani audit pemantauan MS ISO 9001:2015 yang melibatkan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB).

Sementara itu, Ketua Audit SIRIM QAS, Hanida Ghazali berkata, Pensijilan ISO 9001:2015 yang diterima UUM adalah sehingga tempoh 2019 dan audit pensijilan semula ini dilakukan sebelum pensijilan menghampiri tamat tempoh.

Menurutnya, audit pemantauan itu adalah untuk menentukan pematuhan berterusan sistem pengurusan kualiti pelanggan kepada standard ISO 9001:2015.

Katanya, pengauditan telah dijalankan mengikut skop pensijilan iaitu reka bentuk dalam pembangunan program sarjana muda, perkhidmatan pendidikan untuk pelajar, peruntukan penyelidikan, perundingan penerbitan dan perkhidmatan perpustakaan serta perkhidmatan sokongan lain.

"Pihak SIRIM QAS juga akan membuat audit pemantauan ke atas OYAGSB yang akan menfokuskan kepada sistem pengurusan kualiti bagi program yang ditawarkan OYAGSB," katanya.

Turut serta juruaudit daripada SIRIM QAS iaitu Asiyah Haron, Mohd Nasim Zakaria dan Lt. Kol. (B) Abd Lataf Daud.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.